

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	PELAKSANAAN 6 PROJEK INISIATIF <i>BEHAVIOURAL INSIGHTS</i> DI WILAYAH SELATAN (MELIPUTI NEGERI SEMBILAN, MELAKA DAN JOHOR) BAGI TAHUN 2021
OBJEKTIF	:	i. Menggunapakai <i>Behavioural Insights</i> sebagai salah satu kaedah penyelesaian masalah dan peluang penambahbaikan; ii. Membangunkan komuniti BI di Wilayah Selatan; iii. Bekerjasama dengan tenaga kepakaran dalam bidang <i>Behavioural Insights</i> yang akan memanfaatkan MPC; dan iv. Pertukaran idea dan perkongsian maklumat mengenai <i>Behavioural Insights</i> ke arah menambahbaik polisi awam dan peraturan sedia ada.
JANGKA MASA	:	April – Julai 2021
JANGKAAN OUTPUT	:	i. Cadangan penambahbaikan kepada Kementerian, Agensi dan Pemegang taruh; dan ii. Sesi perkongsian hasil penemuan projek
JANGKAAN OUTCOME	:	Mengemukakan cadangan penambahbaikan dan penyelesaian masalah kepada kementerian, agensi dan pemegang taruh menggunakan pendekatan BI ke arah perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.
KOS & PERUNTUKAN	:	Jumlah Keseluruhan sebanyak RM210,520.00: i. Peruntukan RMKe-12 Behavioural Insights: RM189,000.00 ii. Peruntukan Mengurus: RM21,520.00
BAHAGIAN/UNIT	:	PCD/NC
KOMEN/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/ TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN BAGI KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN (BOM) MPC

PERMOHONAN BAJET BAGI PELAKSANAAN 6 PROJEK INISIATIF *BEHAVIOURAL INSIGHTS* DI WILAYAH SELATAN BAGI TAHUN 2021

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC untuk melaksanakan 6 Projek Inisiatif *Behavioural Insights* di Wilayah Selatan meliputi Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dengan jumlah kos sebanyak RM210,520.00; RM189,000.00 dari Peruntukan Pembangunan RMKe-12 *Behavioural Insights* dan RM21,520.00 dari Peruntukan Mengurus.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 MPC telah diberi mandat untuk meneruskan program dan inisiatif *Behavioural Insights* (BI) di Malaysia pada tahun 2021, seiring dengan agenda Kerajaan ke arah peraturan yang lebih berkualiti dan berkesan. *Behavioural Insights* merupakan alat polisi yang inovatif bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan intervensi kerajaan kadar pematuhan peraturan yang tinggi.
- 2.2 Pendekatan BI dalam penggubalan polisi awam telah banyak digunapakai di negara-negara maju sejak 2010. Antara faedah yang boleh dicapai melalui penggunaan kaedah BI di mana ianya boleh dijalankan dengan mudah tanpa melibatkan kos operasi yang tinggi kerana tidak terlalu bergantung kepada penguatkuasaan peraturan atau pemberian insentif seperti sekarang.
- 2.3 Pada tahun 2021, MPC telah diberi peruntukan sebanyak RM2.5 juta untuk menjalankan program BI dan antara aktiviti yang dirancang adalah projek-projek inisiatif BI terpilih dari pelbagai kementerian ataupun isu-isu yang berkaitan dengan PEMUDAH, Kumpulan Kerja Teknikal, JKKMAR, #MyMUDAH dan lain-lain sumber.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Objektif bagi pelaksanaan projek ini adalah:

- i. Menggunapakai *Behavioural Insights* sebagai salah satu kaedah penyelesaian masalah dan peluang penambahbaikan;
- ii. Membangunkan komuniti BI di Wilayah Selatan;
- iii. Bekerjasama dengan tenaga kepakaran dalam bidang *Behavioural Insights* yang akan memanfaatkan MPC; dan
- iv. Pertukaran idea dan perkongsian maklumat mengenai *Behavioural Insights* ke arah menambahbaik polisi awam dan peraturan sedia ada.

4.0 JANGKA MASA PROJEK

Projek ini akan dijalankan selama 3 bulan bermula pada Mei 2021 sehingga Julai 2021 dan setiap negeri akan menjalankan sebanyak 2 projek inisiatif.

5.0 JANGKAAN OUTPUT

Jangkaan output daripada projek ini adalah:

- i. Cadangan penambahbaikan kepada Kerajaan Negeri, kerajaan tempatan dan Pemegang taruh; dan
- ii. Sesi perkongsian hasil penemuan projek.

6.0 JANGKAAN OUTCOME

Mengemukakan cadangan penambahbaikan dan penyelesaian masalah kepada kementerian, agensi dan pemegang taruh menggunakan pendekatan BI ke arah perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

7.0 ANGGARAN KOS TERLIBAT

No.	Perkara	Butiran kos	Jumlah (RM)
A. Peruntukan Pembangunan RMKe-12 Behavioural Insights			
1.	Fasilitator	RM2,000 x 9 hari x 6 projek	108,000.00
2.	Pakej Seminar (termasuk peralatan tambahan spt flip charts, white board, mic tambahan dll)	RM200.00 x 35 pax x 6 projek	42,000.00
3.	Yuran Moderator	RM250.00 x 6 jam x 6 sesi	9,000.00
4.	Pembangunan Instrumen BI	RM5,000.00 x 6 projek	30,000.00
Jumlah (A)			RM189,000.00
B. Peruntukan Mengurus			
1.	Penginapan (1x E41/44 & 1x E48)	RM220.00 x 1 pax x 2 sesi x 6 projek = RM2,640.00 RM240.00 x 1 pax x 2 sesi x 6 projek = RM2,880.00	5,520.00
2.	Tuntutan Perjalanan	RM500.00 x 2 pax x 2 sesi x 6 projek	12,000.00
3.	Tiket Penerbangan	RM500.00 x 2 pax x 2 sesi x 2 projek	4,000.00
Jumlah (B)			RM21,520.00
JUMLAH KESELURUHAN (A+B)			RM210,520.00

8.0 GARIS MASA PROJEK

BUTIRAN	APR	MEI	JUN	JUL
1. Proses perolehan (Kertas BOM, Surat Lantikan dsb)				
2. Mesyuarat & Bengkel bersama Pemegang Taruh yang berkaitan				
3. Membangunkan Instrumen BI				
4. Bengkel Pengesahan Data & Penyediaan Cadangan				

9.0 SYOR

Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk meluluskan permohonan perbelanjaan bagi pelaksanaan 6 Projek Inisiatif *Behavioural Insights* di Wilayah Selatan pada tahun 2021 dengan **kos sebanyak RM210,520.00**, di mana **RM189,000.00 menggunakan Peruntukan Pembangunan RMK-12 Behavioural Insights** dan **sebanyak RM21,520.00 menggunakan Peruntukan Mengurus**.

Disediakan oleh:



Nuraizah Harun


Penolong Pengurus
PCD
23 April 2021

Disemak oleh:



**Mohamad Muzaffar
Abdul Hamid**
Timbalan Pengarah
PCD
23 April 2021

Diluluskan oleh:



**Wan Fazlin Nadia
Wan Osman**
Pengarah
PCD
23 April 2021